



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 4 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM10J DANA PENJANA JAYAKAN KEBUN KOMUNITI, NASIONAL, BH-14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MODENKAN SEKTOR AGROMAKANAN SEBAGAI JAMINAN KESELAMATAN, SINAR HARIAN-ONLINE	
3.	BANYAK FAKTOR HALANG SSL PADI LEPASI 70 PERATUS, BERITA HARIAN-ONLINE	
4.	PERAK FISHERMEN THREATENED BY GANGSTERS URGED TO LODGE REPORT, NATION, NEWS STRAITS TIMES-13	LAIN-LAIN
5.	CEROBOH HUTAN BUAT KEBUN DURIAN, NASIONAL, BERITA HARIAN-26	
6.	BEKAS LOMBONG DI PERAK BELUM DIWARTAKAN, NASIONAL, SINAR HARIAN-15	
7.	PEMANCING IKAN TURUT JADI MANGSA SAMSENG, NASIONAL, SINAR HARIAN-15	
8.	PERTANIAN BANDAR CERIAKAN KAWASAN, PETIK SAYUR SENDIRI, GAYA. UTUSAN MALAYSIA-25	
9.	TUBUH SVARIKAT PENGGERAK BISNES PERTANIAN BANDAR, GAYA, UTUSAN MALAYSIA-25	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14



Program kebun komuniti memberi peluang peserta mengusahakan tanaman seperti sayur-sayuran.

(Foto hiasan)

RM10j dana PENJANA jayakan kebun komuniti

Kerajaan memperuntukkan RM10 juta di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi melaksanakan program kebun komuniti yang rancak dilaksanakan ketika ini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata program kebun komuniti antara pendekatan utama dilaksanakan kerajaan untuk memastikan keselamatan makanan terjamin ketika berdepan penularan COVID-19.

Katanya, program kebun komuniti memberi peluang peserta mengusahakan tanaman jangka pendek, terutama sayur-sayuran.

"Program di bawah PENJANA itu menyediakan peruntukan RM10 juta yang memanfaatkan 800 komuniti dan 12,000 penyertaan individu baharu dalam program pertanian bandar.

"Kita harap peruntukan ini dapat membantu pengeluaran

makanan untuk memastikan tahap keselamatan makanan terjamin walaupun dalam keadaan negara dilanda COVID-19," katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.

Kiandee berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Fahmi Fadzil (PH-Lembah Pantai) yang ingin tahu perkembangan peruntukan RM1 bilion oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, untuk mengatasi masalah keselamatan makanan pada 31 Mac lalu.

Menerusi PENJANA, katanya, kerajaan turut memperuntukkan RM350 juta di bawah Dana Pembiayaan Mikro Kredit Agro Makanan bagi merancakkan kembali industri pengeluaran makanan negara yang terjejas akibat COVID-19.

"Selain itu, peruntukan RM40 juta turut diberi untuk Program Mobiliti Tenaga Kerja Dalam Sektor Agromakanan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

MODENKAN SEKTOR AGROMAKANAN SEBAGAI JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN



KUALA LUMPUR - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Maf) melakukan beberapa perancangan dari sudut sumber manusia, teknologi dan automasi bagi memodenkan sektor agromakanan untuk mencapai jaminan keselamatan makanan menjelang 2050.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan ialah Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, modul dan model pembelajaran pertanian pintar yang dirangka ditambahbaik bagi menyediakan golongan belia tani masa depan melalui Latihan Flagship Program Agropreneur Muda.

Selain itu menurutnya, terdapat program latihan jangka pendek dan jangka panjang untuk melahirkan pekerja mahir serta usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini melibatkan belia berumur 18 hingga 40 tahun.

"Meliputi program Sijil Pertanian dan Sijil Kemahiran Malaysia, Inkubator Usahawan Belia Tani Keusahawanan Kemahiran Pemprosesan Makanan dan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MyAgrosis).

"Perancangan lain, pengintegrasian teknologi pertanian moden seperti penggunaan robot, penderla, pertanian tepat, penggunaan dron, pembangunan data pertanian, aplikasi berdasarkan Internet of Things (IoT), model kilang tanaman dan lain-lain.

"Pemberian insentif yang sesuai kepada petani seperti Skim Pembenturan Mekanisasi dan Automasi di bawah Agrobank bagi perolehan peralatan dan sistem mekanisasi dan automasi seperti jentera, traktor dan lain-lain," katanya pada Mesyuarat Kedua Persidangan Dewan Rakyat Penggal Ketiga Parlimen Ke-14 di sini hari ini.

Bella menjawab soalan Ahmad Fahmi Mohamed Fadil (PH-Lembah Pantai) mengenai perancangan pihak kementerian dari sudut sumber manusia, teknologi automasi bagi memastikan jaminan keselamatan makanan menjelang 2050 tercapai.

Dalam soalan tambahan Ahmad Fahmi berkaitan peruntukan RM1bilion diumumkan kerajaan pada 31 mac lalu, Ronald berkata, sebanyak RM350 juta diperuntukkan di bawah Agrobank untuk Skim Microkredit manakala RM40 juta untuk Mobiliti Pekerja dan Kebuniti, RM10 juta.

"Ini diharap dapat membantu pengeluaran makanan bagi memastikan keselamatan makanan terjamin walaupun dalam pandemik Covid-19," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

BANYAK FAKTOR HALANG SSL PADI LEPASI 70 PERATUS



KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memberi tumpuan khusus ke arah meningkatkan tahap sara diri (SSL) padi ke tahap lebih tinggi melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, berkata SSL negara ketika ini adalah pada kadar 70 peratus yang mana banyak faktor menyumbang kepada pengeluaran rendah itu, antaranya kepelbagaiaan padi, kesesuaian tanah dan pembajaan.

"Kita hanya mampu mengeluarkan permintaan penggunaan sebanyak 70 peratus manakala baki 30 peratus dilimport bagi beras.

"Memang banyak tumpuan diberi kerajaan untuk meningkatkan SSL padi kepada lebih 70 peratus sama ada 75 peratus atau lebih tinggi.

"Kerajaan akan menumpukan usaha meningkatkan pengeluaran beras dan padi negara," katanya dalam sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Salim Sharif (BN-Jempol) yang ingin tahu sama ada pihak kementerian akan memperkenalkan teknologi baharu dalam memastikan sasaran 90 peratus SSL bagi padi dapat dicapai.

Kiandee berkata, kerajaan melaksanakan tiga pendekatan utama melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi memastikan tahap keselamatan makanan terjamin dalam suasana COVID-19 menerusi peruntukan RM350 juta di bawah Agro Bank.

"Peruntukan RM40 juta turut diberi untuk Program Mobiliti Tenaga Kerja Dalam Sektor Agromakanan dan RM10 juta melalui pelaksanaan Program Pertanian Bandar (PPB)," katanya.

Beliau berkata, kementerian merancang memodenkan agromakanan dari sudut sumber manusia serta teknologi dan automasi, antaranya menambah baik modul dan model pembelajaran pertanian pintar untuk melahirkan golongan belia tani masa depan melalui Latihan Flagship Program Agropreneur Muda.

Kiandee berkata, kementerian turut menyediakan program latihan jangka pendek dan panjang untuk melahirkan pekerja mahir dan usahawan pertanian melalui penggunaan teknologi terkini bagi mereka yang berusia 18 hingga 40 tahun.

"Pengintegrasian teknologi pertanian moden seperti penggunaan robot, penderia, pertanian tepat, dron, pembangunan data pertanian, aplikasi berdasarkan Internet of Things (IOT) dan model kilang tanaman juga dilaksanakan," katanya.

DISUSED MINING POOLS

Perak fishermen threatened by gangsters urged to lodge report

IPOH: Inland fishermen who have been threatened by gangsters claiming to be acting on behalf of illegal farm operators to guard disused mining pools in the state have been urged to lodge police reports.

State police chief Datuk Razarudin Husain said his department had not received any report on the threats as reported in a local newspaper yesterday.

"However, I will ask the Criminal Investigation Department to investigate this matter after obtaining more information."

"We urge anyone who has become a victim to come forward and lodge a report," he said here yesterday.

He was asked to comment on the newspaper report claiming that dozens of disused mining pools in Perak had been illegally encroached on for farming and livestock breeding, thus threatening the source of income of freshwater fishermen, whose livelihood depended on fishing

in those pools.

The illegal farmers had reportedly hired gangsters to guard the disused mining pools in Kampar, Batang Padang and Perak Tengah to prevent people from entering those areas.

Several fishermen in Perak Tengah district had claimed to have been drawn into fights, with some being assaulted and their fishing equipment and boats damaged by a group of individuals who claimed to be caretakers of mining pools in the district.

The local press report also mentioned that encroachment on the disused mining pool areas was not a new issue as it had been raised by fishermen in the Kampar area at a dialogue session with Tualang Sekah assemblyman, Datuk Nolee Ashilin Mohamed Radzi, in 2014.

Razarudin said police would investigate and take action if the allegations of threats to the fishermen's safety were found to be true. **Bernama**



Datuk Razarudin Husain

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	26



Gambar fail kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memusnahkan pokok durian yang ditanam secara haram dalam kawasan hutan simpan di Raub.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

Ceroboh hutan buat kebun durian

Kerajaan Pahang rugi RM30 juta hasil cukai babit 4,400 hektar tanah di Raub

Oleh Mohd Rafi Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuantan: Kerajaan Pahang kehilangan pendapatan kira-kira RM30 juta hasil cukai tanah berikutan kegiatan pencerobohan tanah yang dijadikan kebun durian secara haram membabitkan kawasan seluas 4,400 hektar di Raub.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak, berkata nilai kerugian itu berdasarkan kadar terendah pa-

jakan dan cukai tanah untuk tempoh 10 tahun.

Beliau berkata, kerajaan negeri akan menggunakan peruntukan undang-undang secara tegas ke atas pihak atau individu degil yang terbabit kegiatan menceroboh hutan tanah kerajaan secara haram.

Katanya, bagi mengatasi masalah itu daripada terus berlarutan Perbadanan Kemajuan Pertanian Pahang (PKPP) dan Royal Pahang Durian Group akan menyelesaikan isu penanaman durian secara haram itu melalui kaedah terbaik untuk menjaga kepentingan semua pihak.

"Selain tidak mendapat hasil cukai tanah, pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram turut memberi kesan kepada alam sekitar dan menjelaskan kelestarian alam khususnya hutan simpan dan sumber air."

"Durian yang dikeluarkan la-

dang haram jelas tidak memiliki Pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) dan melanggar peraturan dan menyalahi protokol pengekspортan ekkaligus boleh menjelaskan industri durian negara," katanya melalui satu kenyataan di sini, kelmarin.

Beliau berkata demikian bagi mengulas isu pencerobohan tanah untuk penanaman durian secara haram yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen Raub, Tengku Zulipuri Shah Raja Puji pada sidang Dewan Rakyat pada 23 Julai lalu.

Sallehuddin berkata, kebun atau ladang durian di negara ini perlu mematuhi keperluan peraturan alam sekitar, memiliki sijil myGAP dan peraturan berkaitan pengeluaran hasil pertanian ditetapkan agensi kerajaan berkaitan.

Katanya, sudah tiba masanya kerajaan negeri bertegas dalam hal ini dalam usaha melindungi industri durian tempatan.

Pemancing ikan turut jadi mangsa samseng

IPOH - Susulan pendedahan *Sinar Harian* semalam mengenai beberapa bekas lombong yang diteroka secara haram di Perak, golongan pemancing turut berkongsi pengalaman mereka berdepan samseng yang menjaga kawasan tersebut.

Seorang pemancing yang mahu dikenali sebagai Abu, 30, berkata, dia sebelum ini sering memancing ikan bersama rakan-rakan di kawasan bekas lombong di sekitar Air Kuning dan Sungai Galah dekat Kinta.

Menurutnya, ketika mula-mula memancing di kawasan itu beberapa tahun lepas tiada sebarang masalah dihadapi, namun selepas pergi untuk kali ketiga, mereka diberikan arahan dan dibalas dari kawasan bekas lombong itu.

"Saya terkejut apabila seorang lelaki datang secara tiba-tiba bersama beberapa

pa rakanaya membuat ikan yang ditangkap itu ke dalam bekas lombong. Mereka menghalau saya dan kawan-kawan sambil mendakwa kawasan bekas lombong itu milik mereka sehingga berlaku pertengkaran.

"Tiba-tiba seorang daripada samseng itu mengacu parang ke arah kami dan mengugut kami supaya beredar. Kami pun beredar sebab tak mahu berlaku kejadian tidak diingini," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Abu berkata, selepas kejadian itu, mereka tidak lagi ke kawasan bekas lombong berkenaan kerana bimbang berdepan ancaman sama dan berlaku pergiaduan.

Menurutnya, laporan polis juga mereka tidak berani dibuat kerana bimbang keselamatan diri diancam oleh samseng tersebut.

Seorang lagi pemancing yang mahu dikenali sebagai Ahmad, 30, berkata, kejadian samseng yang menceroboh kawasan bekas lombong dan mengancam golongan pemancing bukan sahaja berlaku di Perak, malah juga di negeri lain.

Katanya, dia mempunyai pengalaman hampir sama di kawasan bekas lombong di Bukit Tagar, Selangor apabila terpaksa berdepan dengan situasi yang mengancam nyawa.

"Saya sendiri pernah diacu senapang patah oleh seorang lelaki yang mendakwa pemilik bekas lombong itu. Satu das tembakau dilepaskan ke udara dan satu lagi di dalam air untuk beri amaran kepada saya."

"Saya sudah jelaskan kepada dia yang saya hanya nak memancing ikan, selepas dapat ikan saya lepaskan semula. Tetapi itu pun masih tidak dibenarkan sedangkan kawasan bekas lombong itu tidak pernah dimiliki oleh sesiapa," katanya.

Menurutnya, isu penerokaan haram kawasan bekas lombong bukan sahaja menjelaskan nelayan darat, bahkan golongan pemancing dan orang awam yang kekurangan tempat untuk menjalankan aktiviti rekreasi.



14 TAHUN #KEKALNEUTRAL

Bekas lombong di Perak belum diwartakan

Puncak kes pencerobohan kawasan bekas lombong sukar diambil tindakan

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH

Pengukuhan terhadap aktiviti pencerobohan kawasan bekas lombong di Perak sukar dilakukan kerana kebanyakannya kawasan berkenaan tidak diwartakan sebagai perairan umum bagi tangkapan ikan nelayan darat.

Pengeran Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, berdasarkan aduan dan rekod, pihaknya mendapat isu



Bekas bekas lombong telah dipuger oleh peneroka haram bagi menghalang nelayan darat dan orang awam meninggalkan rumah di kawasan Sungai Galah dekat Kinta. Gambar Jezi Zeld

itu berlaku di kawasan lombong milik kerajaan negeri yang belum diwartakan.

"Aduan mengenai masalah ini memang kita ada terima. Biasanya semakan status pemilikan dibuat terlebih dahulu sama ada milik persendirian atau kerajaan negeri.

"Sekiranya tidak diwartakan dan berlaku pula pencerobohan, tindakan pengukuhan adalah di luar bidang kuasa jabatan," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Menurutnya, permohonan agar kolam-kolam bekas lombong milik kerajaan negeri itu diwartakan untuk nelayan darat telah dikemukakan kepada kerajaan negeri sebelum ini.

"Satu-satu perwartaan yang dibuat adalah khusus untuk nelayan komuniti di situ, jadi

pihak luar tidak boleh gangu.

"Sekiranya berlaku juga pencerobohan, barulah tindakan pengukuhan dibuat mengikut peruntukan undang-undang sedia ada iaitu Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Negeri Perak 1992," kata bellou.

Terdahulu, Exco Pertanian, Perikanan, Perdagangan dan Sekuriti Makanan Perak, Datuk Abdul Yunus Jamabri mendedahkan terdapat 160 hektar kolam bekas lombong milik kerajaan negeri dikenal pasti untuk diwartakan sebagai perairan umum bagi tangkapan ikan nelayan darat.

Beliau berkata, kebanyakannya bekas lombong itu terletak di daerah Kinta dan Kampar. Sehingga kini terdapat seramai 1,895 nelayan darat yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan Perak.

Polis siasat penglibatan gengster, sudah terima enam laporan

IPOH - Polis menyiasati kesahihan penglibatan kumpulan gengster yang diupah menjaga kawasan bekas lombong seperti didakwa nelayan darat di negeri ini.

Ketua Polis Perak, Datuk Razarudin Husain berkata, sekiranya dakwaan itu benar, tindakan undang-undang akan diambil ke atas pihak terlibat atas faktor keselamatan awam.

"Polis akan siasat aduan ini sebelum tindakan lanjut dilakukan.

"Hasil serakan awal, terdapat enam laporan polis telah dibuat berkaitan penerokaan lombong secara haram itu. Ada antaranya berpusat daripada perbaduan dua pihak," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Razarudin berkata, polis

akan mendapatkan maklumat lanjut daripada semua pihak termasuk nelayan darat terlibat bagi membantu siasatan.

"Kita akan jakukan siasatan terperinci berhubung dakwaan itu bagi mendapatkan gambaran sebenar," katanya.

Sinar Harian semalam melaporkan terdapat berpuluhan-puluhan bekas lombong di negeri ini yang diceroboh secara haram untuk tujuan pertanian dan perternakan.

Tindakan itu mengancam sumber pendapatan nelayan air tawar yang bergantung hidup mencari rezeki dengan menangkap ikan di kawasan itu.

Lebih menyakiti hati, pengusaha haram berkenaan semakin bermaharajalela dengan mengupah kumpulan gengster untuk menjaga kawasan bekas lombong tersebut daripada dimasuki orang ramai.



TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

4/8/2020

UTUSAN
MALAYSIA

GAYA

25



KONSEP
pertanian
bandar
bukan sahaja
membantu
mengurangkan
kos sara
hidup dengan
menghasilkan
makanan
sendiri tetapi
meneckankan
elemen
keceriaan dan
kehijauan.

Pertanian bandar ceriakan kawasan, petik sayur sendiri



DENGAN menggunakan set tanaman hidropotik, mereka yang ingin bercucuk tanam tidak memerlukan kawasan tanah yang luas.

mencebur teknologi pertanian bandar.

Katanya, pertanian bandar yang menekankan kaedah penanaman tanpa tanah, sesuai dilakukan oleh mereka yang minat bertani tetapi tidak mempunyai kawasan luas, sentiasa sibuk dan mempunyai sumber kewangan.

Beliau pada mulanya

mencuba dalam teknologi cili secara teknologi fertigasi kerana berpendapat sayur tersebut popular dan mendapat permintaan tinggi.

Selepas menyertai beberapa kursus penanaman cili anjuran Jabatan Pertanian, beliau mencari peluang dengan meneroka kawasan hingga ke Sijangkang, Selangor. Di sana

beliau bertemu beberapa pihak termasuk usahawan cili dan pegawai pertanian.

Beliau mendapatkan pandangan Pejabat Pertanian Langat dan minatnya bertambah apabila dimaklumkan sebagaimana kemudahan disediakan termasuklah antaranya pusat pengumpulan hasil pertanian.

Pada tahun 2015, beliau bercadang membuka ladang cili menggunakan teknologi fertigasi di kawasan tersebut berkeluasan kira-kira 0.8 hektar (dua ekar).

Roslan diberi nasihat bahawa tanaman cili memerlukan perhatian sepanjang masa terutama masalah penyakit dan ketika

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	GAYA	25



ROSLAN Ghazali memberi taklimat kepada pelanggan mengenai set tanaman pertanian bandar di pejabatnya di Cyberjaya.

Tubuh syarikat penggerak bisnes pertanian bandar

SELEPAS menguasai aspek teknikal dan yakin pertanian bandar berpotensi dibangunkan, Roslan Ghazali menuhubkan Toclan Agritrade Asia Sdn. Bhd. pada 2016 dan berpindah operasi ke Cyberjaya.

"Di sini kami menawarkan paket set tanaman menerusi dua cara iaitu pembelian dalam talian (*online*) atau datang sendiri ke premis kami untuk mendapatkan (membeli) set tanaman pertanian," ujarnya yang juga ketua pegawai eksekutif syarikat.

Beberapa selebriti terkenal tanah air yang pernah membeli set tanaman tersebut turut membantu mempromosinya menerusi media sosial. Justeru, beliau semakin yakin ramai tertarik dengan konsep pertanian bandar tersebut kerana ia menawarkan set tanaman bagi mereka yang berumur antara usia empat hingga 80 tahun.

Terdapat beberapa jenis set tanaman yang ditawarkan bergantung kepada jumlah bekas (*pots*) berharga antara RM100 hingga RM799



ROSLAN Ghazali menunjukkan tanaman yang sedia untuk dituai

satu set. Pengguna boleh menanam sayuran daun seperti sawi dan kangkung atau herba dan sayur berbuah seperti tomato, timun dan cili.

Mengenai perancangan akan datang, beliau

bercadang membuka kilang mini bagi menampung permintaan yang semakin memberangsangkan.

Konsep pertanian tersebut amat mudah kerana ia berkonseptan tanam, tinggal tuai (3T).